



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS JENIS, PUNCA DAN LANGKAH MENGATASI TINGKAH LAKU BULI DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DAERAH KINTA UTARA, PERAK.

SANGKARI A/P CHANDRA SEHGAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ANALISIS JENIS, PUNCA DAN LANGKAH MENGATASI TINGKAH LAKU
BULI DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH
DAERAH KINTA UTARA, PERAK.**

SANGKARI A/P CHANDRA SEHGAR



05-4506832



**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PSIKOLOGI PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**



ptbupsi

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan) (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, _____ (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk _____

_____ adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah

_____ (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Tuhan kerana dengan izin kurnianya dapat saya menyempurnakan Disertasi Sarjana Pendidikan ini dengan jayanya.

Dengan kesempatan yang ada ini saya amat berbesar hati untuk menghadiahkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Suppiah Nachiappan, selaku Pensyarah dan penyelia bagi Disertasi ini lalu telah meletakkan sepenuh kepercayaan beliau kepada saya untuk melunaskan tugas yang diberikan.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang membantu bagi menjayakan kajian ini terutamanya kepada ibu bapa saya Encik Chandra Sehgar dan Puan Varalachime yang sentiasa memberi motivasi dan semangat kepada saya untuk melengkapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada adik beradik saya dan saudara mara saya yang sentiasa bersedia untuk membantu saya. Penghargaan juga ingin disampaikan kepada rakan-rakan seperjuangan saya kerana telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugas ini dengan jayanya.

Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah mereka hulurkan amatlah saya hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan mereka semua tugas ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

Terima Kasih





ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis perbandingan jenis, punca dan langkah mengatasi tingkah laku buli dalam kalangan murid di sekolah rendah daerah Kinta Utara. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk Hermeneutik telah digunakan dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data kajian ialah temu bual berstruktur. Seramai 45 orang guru iaitu 15 orang guru dari setiap jenis sekolah rendah di daerah Kinta Utara, Perak telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Data dianalisis menggunakan Kaedah Hermeneutik yang berbentuk interpretasi teks temu bual yang ditranskripkan kepada metateks. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat tema yang diperoleh bagi soalan kajian pertama iaitu buli secara langsung, buli secara tidak langsung, buli verbal dan buli fizikal. Jenis tingkah laku buli yang paling kerap berlaku dalam kalangan murid yang dikaji adalah buli verbal diikuti buli secara langsung, buli fizikal dan buli secara tidak langsung. Buli verbal merupakan jenis tingkah laku buli yang paling kerap berlaku di ketiga-tiga jenis sekolah iaitu SK, SJK(C) dan SJK(T). Manakala, punca utama yang menyebabkan berlakunya tingkah laku buli dalam kalangan murid adalah sikap negatif yang terdapat dalam diri murid serta kekurangan perhatian dan kasih sayang dari ibu bapa. Sementara itu, langkah mengatasi tingkah laku buli yang paling banyak diamalkan oleh guru-guru ialah melalui khidmat nasihat dan bimbingan kaunseling kepada murid-murid, tetapi langkah yang diambil oleh guru-guru di setiap jenis sekolah adalah berbeza. Hal ini kerana, guru-guru di SK dan SJK(C) memilih untuk memberi khidmat nasihat dan bimbingan kaunseling kepada murid untuk mengatasi buli manakala guru di SJK(T) lebih cenderung untuk mendedahkan tentang tingkah laku buli dan memberikan didikan agama kepada murid-murid. Kesimpulannya, didapati bahawa langkah mengatasi tingkah laku buli berbeza di setiap jenis sekolah. Implikasi dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan untuk pihak mengambil langkah mengatasi buli melalui khidmat nasihat dan bimbingan kaunseling atau langkah yang lebih sesuai dengan murid di sekolah masing-masing.





COMPARISON ANALYSIS OF TYPES, CAUSES AND WAYS TO OVERCOME BULLY AMONG PRIMARY SCHOOL STUDENTS IN KINTA UTARA.

ABSTRACT

This study aimed to analyze the comparison of the types, causes, and measures of bullying behavior among students in North Kinta district primary schools. A qualitative approach with Hermeneutic design was used in this study. The instrument used to collect the survey data is structured interview. A total of 45 teachers, namely 15 teachers from all types of primary schools in the North Kinta district, Perak participated in this study. The data were analyzed using the Hermeneutic Method which is an interpretation of transcribed interview text into metathesis. The findings show that there are four themes derived from the first research question: direct bullying, indirect bullying, verbal bullying and physical bullying. The most common types of bullying among students studied were verbal bullying followed by direct bullying, physical bullying, and indirect bullying. Verbal bullying is the most common type of bullying in all three schools, namely SK, SJK (C) and SJK (T). However, the main cause of bullying among students is the negative attitude towards the pupils and lack of parental attention and affection. Meanwhile, the most common form of bullying by teachers is through the provision of counseling and guidance to students, but the steps taken by teachers in each school type are different. This is because teachers in SK and SJK (C) choose to provide student counseling and counseling to address bullying while teachers in SJK (T) are more likely to expose bullying behavior and provide religious education to students . In conclusion, it has been found that measures of bullying behavior differ in each school type. Implications of the findings of this study can serve as a guide for taking measures to address bullying through counseling and counseling services or measures that are more appropriate for students in their schools.





SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii

BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Soalan Kajian	10
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	11
1.7 Definisi Istilah Kajian	12
1.7.1 Buli	12
1.7.2 Murid Sekolah Rendah	14
1.7.3 Kaedah Hermeneutik	15
1.8 Kepentingan Kajian	17
1.9 Batasan Kajian	19



**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	24
2.2 Tingkah Laku Buli dalam Kalangan Murid	25
2.2.1 Konsep Tingkah Laku Buli	27
2.2.2 Jenis-Jenis Tingkah Laku Buli	31
2.2.3 Punca Berlakunya Tingkah Laku	35
Buli	40
2.2.4 Tingkah Laku Buli Sebagai Tingkah Laku Agresif	
2.3 Teori yang Berkaitan	41
2.3.1 Teori Pembelajaran Sosial	41
2.3.2 Teori Ekologi Bronfenbrenner	52
2.3.3 Teori Psikososial Erikson	55
2.4 Kerangka Teoretikal Kajian	59
2.5 Kajian Dalam Negara	61
2.6 Kajian Luar Negara	67
2.7 Teori Hermeneutik	75
2.8 Analisis Sintesis Kajian Tinjauan	78
2.8 Rumusan	79

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	81
----------------	----





3.2	Reka Bentuk Kajian	82
3.2.1	Kaedah Kajian	84
3.2.2	Analisis Hermeneutik	85
3.2.3	Teks Sebagai Subjek Kajian (Transkripsi Temu Bual)	86
3.2.4	Metateks	87
3.2.5	Proses Ontopretasi	87
3.3	Lokasi Kajian	88
3.4	Populasi Kajian	89
3.5	Sampel Kajian	89
3.6	Instrumen Kajian	90
3.7	Prosedur Analisis Kajian	91
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	92
3.9	Rumusan	94

**BAB 4****DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	95
4.2	Analisis Soalan Kajian Melalui Kaedah Hermeneutik	96
4.2.1	Soalan Kajian 1	96
4.2.2	Soalan Kajian 2	107
4.2.3	Soalan Kajian 3	121
4.3	Proses Triangulasi	140
4.4	Rumusan	142



**BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

5.1 Pengenalan	144
5.2 Perbincangan	145
5.2.1 Perbincangan Soalan Kajian 1	145
5.2.2 Perbincangan Soalan Kajian 2	148
5.2.3 Perbincangan Soalan Kajian 3	153
5.3 Implikasi Kajian	156
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	158
5.5 Rumusan	160

RUJUKAN 161



SENARAI JADUAL

No Jadual		Muka Surat
1.1	Salah laku disiplin pelajar tahun 2017	3
2.1	Eksperimen peniruan tingkah laku	48
4.1 (a)	Jenis tingkah laku buli dalam kalangan murid di Sekolah Kebangsaan	96
4.1 (b)	Jenis tingkah laku buli dalam kalangan murid di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)	99
4.1 (c)	Jenis tingkah laku buli dalam kalangan murid di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)	102
4.2	Jenis tingkah laku buli dalam kalangan murid	107
4.3 (a)	Punca Tingkah Laku Buli dalam Kalangan Murid di Sekolah Kebangsaan	107
4.3 (b)	Punca Tingkah Laku Buli dalam Kalangan Murid di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)	111
4.3 (c)	Punca Tingkah Laku Buli dalam Kalangan Murid di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)	114
4.4	Punca berlakunya tingkah laku buli dalam kalangan murid	120
4.5 (a)	Langkah Mengatasi Tingkah Laku Buli dalam Kalangan Murid di Sekolah Kebangsaan	121
4.5 (b)	Langkah Mengatasi Tingkah Laku Buli dalam Kalangan Murid di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)	125
4.5 (c)	Langkah Mengatasi Tingkah Laku Buli dalam Kalangan Murid di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)	129
4.6	Langkah mengatasi tingkah laku buli dalam kalangan murid	135
4.7	Langkah Mengatasi Tingkah Laku Buli dalam Kalangan Murid Mengikut Jenis Sekolah	139





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xi

SENARAI RAJAH

No Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	11
2.1 Teori Ekologi Perkembangan Manusia	53
2.2 Kerangka Teoretikal Kajian	60
3.1 Reka Bentuk Kajian	83
3.2 Tatacara Analisis Teks Menggunakan Kaedah Hermeneutik	86
3.3 Proses Ontopretasi	88



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



LAMPIRAN

- A** Borang temu bual
- B** Borang kelulusan menjalankan kajian dari KPM
- C** Borang kelulusan menjalankan kajian dari JPN Perak
- D** Borang kelulusan menjalankan kajian dari PPD Kinta Utara
- E** Permohonan Pengesahan Instrumen
- F** Pengesahan Pembentangan Cadangan Penyelidikan
- G** Pengesahan Pembentangan Viva





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian dan soalan kajian. Di samping itu, kajian ini juga menjelaskan tentang kepentingan kajian, kerangka konseptual kajian, batasan kajian, definisi istilah dan rumusan bagi keseluruhan bab.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.2 Latar Belakang Kajian

Pelbagai pembaharuan telah dilakukan terhadap sistem pendidikan di Malaysia pada masa kini. Selain bertumpu pada pembangunan dan peningkatan taraf pendidikan dalam aspek sains dan teknologi serta kemahiran, perubahan ini juga berfokus dalam melahirkan insan yang holistik terutamanya dari segi tingkah laku. Sebagai bukti, salah satu teras yang terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 adalah untuk menghasilkan graduan yang berilmu, berakhlek, bertingkah laku positif dan beradab untuk menjadi insan mulia. Aspek ini menjadi keutamaan kerana murid-murid menjadi warga sejagat dengan jati diri Malaysia yang menyerlah, bersedia dan sanggup untuk berkorban demi keharmonian dan kesejahteraan keluarga, masyarakat, negara dan sejagat (Zulekha Yusof et al., 2017). Maka, pihak-pihak berkepentingan harus peka dalam perkembangan sosial murid sejak sekolah rendah lagi demi mencapai matlamat dalam PPPM (2015-2025).

Peranan sekolah sebagai salah sebuah institusi yang amat penting bagi sesebuah negara tidak dapat dinafikan sama sekali. Murid-murid bukan sahaja dididik dengan pendidikan asas yang perlu dikuasai tetapi disemai dengan nilai-nilai murni. Sekolah juga merupakan tapak yang melahirkan generasi pemimpin dan peneraju negara pada masa hadapan. Tambahan pula, institusi sekolah juga merupakan tempat pemupukan dan pembentukan jati diri dan semangat patriotik. Ia membantu kanak-kanak untuk berhubung dengan murid-murid lain dari pelbagai etnik dan anak bangsa, selain berfungsi sebagai tempat pendidikan akademik dan kemahiran. Persekutaran sekolah yang selesa dan selamat amat diperlukan untuk menjana proses pengajaran dan pembelajaran yang sempurna bagi murid-murid.





Tambahan pula, sekolah rendah merupakan sebuah institusi yang amat penting dalam negara. Hal ini kerana generasi pemimpin dan peneraju negara masa hadapan, dididik dan dibentuk di sini dari usia muda lagi. Fungsi sekolah sebagai institusi yang membentuk dan mendidik anak bangsa mengikut kehendak dan acuan wawasan negara merupakan satu tugas yang amat mencabar. Semua pihak yang terlibat dalam institusi sekolah seperti pihak kerajaan, pentadbir, guru, ibu bapa dan murid memikul tanggungjawab yang besar dalam menentukan kejayaan generasi anak bangsa pada masa hadapan.

Namun begitu, kebanyakan institusi sekolah didapati gagal dalam melaksanakan peranan-peranan yang dinyatakan berikut. Hal ini dapat dibuktikan dengan masalah disiplin yang kian bertambah dalam kalangan murid sekolah di

Malaysia. Pada tahun 2017, salah laku disiplin pelajar adalah sebanyak 134 108 kes yang terdiri daripada masalah disiplin seperti ponteng sekolah, kenakalan, kekemasan diri, kurang sopan, buli dan sebagainya (Astro Awani, 2018). Bilangan kes mengikut salah laku disiplin adalah seperti dalam Jadual 1.1:

Jadual 1.1

Salah Laku Disiplin Pelajar Tahun 2017

Bil	Salah Laku	Peratus (%)	Jumlah
1	Ponteng sekolah	1.40	67,053
2	Kurang sopan	0.29	14,509
3	Tidak pentingkan masa	0.28	13,415
4	Kekemasan diri	0.23	10,946
5	Rokok	0.18	8,514
6	Berunsur jenayah	0.14	6,917
7	Kenakalan	0.12	5,825
8	Buli	0.06	2,795
9	Berunsur kelucuan	0.05	2,266
10	Laku musnah	0.04	1,868

Diadaptasi dari Astro Awani, Mac 21, 2018.





Apabila melihat pada konteks murid-murid di Malaysia, masalah-masalah disiplin tidak lagi asing dalam kalangan mereka sama ada dari peringkat sekolah menengah maupun sekolah rendah. Tingkah laku buli merupakan salah satu perlakuan yang menjadi semakin serius dalam kalangan murid sekolah di Malaysia. Tingkah laku buli yang melanda di Malaysia bukan sahaja berlaku di sekolah menengah tetapi juga telah menular ke sekolah rendah. Berdasarkan Jadual 1.1, bilangan kes buli yang telah dilaporkan ialah 2,795 dengan 0.06 peratus. Walaupun masalah tingkah laku buli masih berada pada tahap yang rendah tetapi ia harus dianggap serius kerana terdapat kes yang menyebabkan kehilangan nyawa.

Di samping itu, berdasarkan data yang dikemukakan oleh Naib Pengurus Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye,

sebanyak 3,011 kes buli dilaporkan berlaku di sekolah menengah dan sekolah rendah pada tahun 2015, sebanyak 3,488 kes pada tahun 2016 sebelum turun kepada 2,795 kes pada tahun 2017 (Berita Harian Online, 2018). Manakala, dari Januari hingga Jun 2018, sebanyak 1,054 kes buli telah didaftarkan. Walaupun bilangan kes buli didapati menurun dari tahun ke tahun tetapi dianggap bahawa banyak kes yang dibiarkan tanpa direkodkan. Hal demikian kerana berdasarkan satu pernyataan dalam Utusan Online (2017), hampir keseluruhan pelajar sekolah rendah dan menengah di negara ini terlibat dalam gejala buli, namun tidak menyedari melakukan perbuatan itu kerana menyangka bahawa buli hanya perlakuan fizikal seperti mencederakan mangsa melalui keganasan.

Kebanyakan murid yang terlibat dengan tingkah laku buli tidak menyedari bahawa tingkah laku yang sering dilakukan dalam kalangan mereka sendiri adalah





merupakan tingkah laku buli. Jenis-jenis tingkah laku ini dianggap tingkah laku yang biasa berlaku adalah seperti suka bertanyakan soalan-soalan yang bodoh, tidak mempedulikan orang lain, mengusik seseorang, membohongi seseorang dan sebagainya. Justeru, murid-murid terbabit tidak sedar bahawa tingkah laku yang telah dilakukan oleh mereka merupakan salah satu jenis tingkah laku buli seperti yang telah didefinisikan dalam kajian ini. Selain itu, murid yang terlibat dengan tingkah laku buli sering menggunakan ciri-ciri dan kelebihan yang ada dalam diri mereka masing-masing untuk bertingkah laku buli.

1.3 Pernyataan Masalah

Pada masa kini terutamanya dua dekad ini, gejala perlakuan ganas dalam kalangan pelajar semakin meningkat dan semakin hangat diperkatakan di dada-dada akhbar. Salehi S. et al., (2016) menyatakan bahawa sepanjang dua dekad yang lalu, satu perubahan yang luar biasa telah berlaku dalam cara para pendidik mengamati hubungan interpersonal antara rakan sebaya di sekolah, di mana banyak kanak-kanak didapati diganggu dan dibuli. Tambahan pula, salah satu kajian oleh Noran Fauziah Yaakub et al., (2010) terhadap murid di 29 buah sekolah rendah dan pelajar di 25 buah sekolah menengah menunjukkan bahawa sebanyak 82.7 peratus murid sekolah rendah terlibat dalam gejala buli psikologi manakala sebanyak 56 peratus murid terlibat dalam buli fizikal. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya tindakan segera dari pihak-pihak tertentu bagi memastikan masalah ini tidak terus menular dan meningkat.





Perlakuan buli merupakan sejenis perlakuan salah laku yang boleh meninggalkan kesan negatif terhadap kesejahteraan emosi dan kemajuan akademik pelajar yang dibuli. Masalah buli dan kecenderungan membuli dalam kalangan pelajar adalah salah satu isu global yang perlu ditangani dengan segera. Hal ini kerana pelajar merupakan kumpulan yang mudah dipengaruhi dan pada masa yang sama mereka masih mencari identiti, kebolehan dan penyesuaian mereka kepada persekitaran. Tattum (1997) menjelaskan bahawa tingkah laku buli merujuk kepada keadaan apabila seseorang atau sekumpulan orang yang lebih dominan menyakitkan orang lain berulang kali dan membuatnya berada dalam keadaan tertekan.

Tingkah laku buli berlaku secara berleluasa dalam kalangan murid sekolah menengah dan telah menarik perhatian pelbagai pihak. Namun, tingkah laku buli

dalam kalangan murid sekolah rendah kurang diberi keutamaan kerana ia kurang

didedahkan kepada orang ramai. Manakala, Siti Nur Hafiza et al., (2018) menyatakan bahawa kes buli dalam kalangan murid sekolah rendah sudah menjadi perkara biasa dan salah satu gejala sosial yang hangat dalam kalangan murid. Masalah ini perlu ditangani dengan sebaik mungkin supaya ia tidak menjadi masalah yang boleh mendatangkan kesan kepada perkembangan akademik dan sahsiah murid. Sekiranya tingkah laku buli tidak diatasi dari sekolah rendah lagi, ia akan bertambah serius apabila murid itu beredar ke sekolah menengah. Maka, ia adalah penting untuk mengenal pasti punca-punca yang menyebabkan berlakunya gejala buli dalam kalangan murid sekolah rendah supaya dapat mengatasinya dengan cepat dan efisien. Oleh itu kajian ini amat penting untuk dilaksanakan kerana dapat membantu untuk mengenal pasti punca-punca berlakunya tingkah laku buli dalam kalangan murid sekolah rendah.





Badrulzaman Baharom dan Azizi Yahya (2006) mengatakan bahawa jenis tingkah laku buli yang kerap berlaku dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah di negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor ialah jenis tingkah laku buli fizikal dan verbal. Rasional kajian ini dijalankan adalah kerana kes buli seakan-akan menjadi satu trend pada masa kini dalam kalangan murid di mana mereka akan memuat naik video membuli kawan mereka sendiri. Menurut laporan Haslina Kamaludin (2017) dalam Sinar Online, Rabi ‘Atul ‘Adawiyah menyatakan bahawa satu video telah dimuat naik di laman Facebook pada bulan Jun 2017 yang lepas mengenai seorang remaja lelaki India yang berada di bawah pengaruh dadah. Di dalam video tersebut, remaja lelaki itu berada dalam keadaan sedang khayal sambil disuruh menari oleh beberapa orang pelajar yang juga terlibat dalam kejadian buli tersebut. Video yang berdurasi 2 minit 32 saat itu melibatkan beberapa orang pelajar berbangsa India yang memakai pakaian rasmi sekolah menengah.



Menurut Zahidah et al. (2016), buli juga biasanya berlaku dalam kalangan murid apabila mereka menggunakan medium aliran seperti media sosial dan YouTube untuk menyebarkan mesej, e-mel dan video serta percubaan untuk memalukan mangsa. Namun, menyalahkan murid kerana terlibat dengan masalah sosial tidak akan menyelesaikan masalah ini tetapi kita perlu mengenal pasti sumber dan punca yang mempengaruhi masalah buli yang berlaku secara meluas. Menurut Norhayati dan Suriati (2015), pembuli siber cenderung untuk membuli dengan membuat video dengan mesej membuli supaya ia boleh menjadi viral di laman media sosial.

Noran (2004) pula menyatakan bahawa akhir-akhir ini, kejadian buli yang berlaku di sekolah bukan setakat mencederakan mangsa malah sehingga





mengakibatkan kecederaan berat serta kes kematian murid. Berdasarkan statistik Kementerian Pendidikan Malaysia, rekod menunjukkan bahawa bilangan kes buli di sekolah antara tahun 2012 hingga 2015 telah mencatatkan lebih dari 14,000 kes dan melibatkan beberapa kes yang mengakibatkan kematian. Berdasarkan data statistik tersebut, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia memandang serius berkaitan isu buli serta mengenal pasti punca berlakunya buli serta tindakan yang harus dimainkan oleh pihak sekolah, PIBG serta agensi lain seperti pihak PDRM.

Oleh itu, dalam kajian ini selain membincangkan masalah buli dalam kalangan murid sekolah rendah, penyelidik juga akan mengutarakan punca-punca yang mempengaruhi tingkah laku buli. Masalah buli dikatakan sering berlaku di dalam bilik darjah, padang, koridor, dewan, kantin, tandas dan juga di luar pagar sekolah.

Terdapat banyak punca yang menyumbang kepada perlakuan yang tidak sihat ini umpamanya pengaruh persekitaran dan rakan-rakan. Langkah-langkah pencegahan yang dirasakan sesuai dilakukan oleh pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat bagi membendung keadaan ini turut diketengahkan dalam kajian ini.

Kajian Noran Fauziah, Rajendran dan Ahmad Jazimin (2004) menunjukkan bahawa berdasarkan bacaan skor min buli secara psikologi seperti mengejek lebih banyak berlaku di Sekolah Kebangsaan manakala buli secara fizikal banyak berlaku di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan diikuti Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil). Oleh itu, penyelidik ingin melihat punca-punca yang menyumbang kepada kes buli dalam kalangan murid di ketiga-tiga jenis sekolah.





Laporan kajian Noran et al., (2001) menunjukkan bahawa kejadian buli secara langsung dan tidak langsung melibatkan 93.1% pelajar Melayu, 4.5% pelajar Cina dan hanya 1.8% pelajar India manakala yang selebihnya adalah kaum lain. Sehingga ke hari ini, kajian mengenai buli yang memfokuskan sekolah rendah terutama di sekolah SJK(C) dan SJK(T) masih kurang dijalankan. Maka, trend gejala buli di SJK(C) dan SJK(T) serta punca dan cara mengatasinya belum dikenal pasti secara sepenuhnya. Kajian yang melibatkan sekolah kebangsaan sahaja tidak dapat digeneralisasikan kepada umum kerana amalan sosial dan golongan murid serta latar belakang murid di ketiga-tiga jenis sekolah ini adalah berbeza. Lompong-lompong tersebut yang masih belum dipenuhi dalam kajian-kajian lepas meningkatkan lagi keperluan untuk melaksanakan kajian ini.



dan punca berlakunya tingkah laku buli di satu jenis sekolah tetapi bagi ketiga-tiga jenis sekolah rendah. Maka, kajian ini amat penting bagi pihak yang ingin membandingkan pengaruh latar belakang dan amalan seseorang murid terhadap tingkah lakunya. Kajian ini juga amat penting untuk dilaksanakan kerana melalui kajian ini langkah mengatasi tingkah laku buli yang dilaksanakan oleh ketiga-tiga jenis sekolah dapat dibandingkan. Dengan ini, guru-guru dapat mengenal pasti langkah-langkah yang pelbagai serta mengaplikasikannya di sekolah mereka. Memandangkan, kajian ini dapat memenuhi lompong-lompong dari kajian lepas serta dapat membantu pihak sekolah dan guru-guru untuk membasmi tingkah laku buli, ia adalah penting untuk melaksanakan kajian ini.





1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan bagi menganalisis masalah tingkah laku buli yang berlaku di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil). Objektif khusus yang ditetapkan bagi menjalankan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti jenis-jenis tingkah laku buli yang berlaku dalam kalangan murid Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil).
- ii. Menganalisis punca-punca yang menyebabkan berlakunya tingkah laku buli dalam kalangan murid Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil).
- iii. Menganalisis perbezaan dari segi langkah mengatasi tingkah laku buli dalam kalangan murid Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil).

1.5 Soalan Kajian


Kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan-soalan seperti berikut:

- i. Apakah jenis-jenis tingkah laku buli yang berlaku dalam kalangan murid Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)?



- ii. Apakah punca-punca yang menyebabkan berlakunya tingkah laku buli dalam kalangan murid Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)?
- iii. Apakah perbezaan dari segi langkah mengatasi tingkah laku buli dalam kalangan murid Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian bagi kajian ini. Dalam proses menjalankan kajian ini, pengkaji akan mengenal pasti jenis-jenis tingkah laku buli yang berlaku dalam kalangan murid Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan

(Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil). Seterusnya, pengkaji akan mengenal pasti punca-punca yang menyebabkan berlakunya tingkah laku buli dalam kalangan murid di ketiga-tiga jenis sekolah tersebut dan langkah mengatasinya. Setelah mengenal pasti langkah mengatasi tingkah laku buli ketiga-tiga jenis sekolah rendah, pengkaji membandingkan langkah-langkah di antara ketiga-tiga jenis sekolah tersebut.

1.7 Definisi Istilah Kajian

Terdapat beberapa istilah penting yang digunakan secara maksimum dan ditekankan dalam kajian ini seperti buli, murid sekolah rendah dan kaedah Hermeneutik. Bagi memahami kajian ini dengan menyeluruh, ia adalah penting untuk memahami kajian ini. Maka, definisi bagi istilah-istilah tersebut telah dijelaskan seperti di bawah.



1.7.1 Buli

Pelbagai pengertian yang berbeza telah diberikan terhadap tingkah laku buli. Definisi yang diberikan oleh para sarjana terhadap tingkah laku buli adalah berbeza mengikut budaya sesuatu masyarakat. Hal ini kerana suatu perlakuan yang dianggap sebagai tingkah laku buli oleh sesuatu masyarakat mungkin dianggap bukan tingkah laku buli oleh masyarakat yang lain. Espelage dan Swearer (2003) menyatakan bahawa gejala buli boleh didefinisikan sebagai perbuatan atau tingkah laku agresif terhadap individu yang lain. Penjelasan ini agak sama dengan penjelasan yang diberikan oleh Dieter dan Suzet (2015) yang menyatakan bahawa tingkah laku buli adalah penyalahgunaan kuasa sistematik dan didefinisikan sebagai tingkah laku agresif atau salah laku yang

disengajakan oleh seseorang serta dilakukan berulang kali. Perbuatan ini turut melibatkan ketidakseimbangan kuasa, sama ada yang sebenar atau yang dirasakan, antara mangsa dan pembuli.

Dieter, Tippet dan Slava (2015) turut menjelaskan bahawa sebarang tindakan mahupun pengucapan yang tidak disegani oleh individu yang menerimanya merupakan tingkah laku buli terutamanya apabila perbuatan tersebut diulangi. Collins et al., (2004) pula mendefinisikan tingkah laku buli sebagai satu fenomena yang kompleks. Perlakuan buli boleh ditunjukkan dalam pelbagai bentuk dan cara tanpa mengira jantina. Takrifan yang berbeza oleh pelbagai sarjana juga merupakan salah satu sebab yang menyebabkan Collins et al., (2004) menyatakan tingkah laku buli sebagai satu fenomena yang kompleks.

Di samping itu, Sullivan et al., (2004) menjelaskan bahawa tingkah laku buli merupakan sesuatu tindakan agresif atau tindakan memanipulasi yang dilakukan secara berulang-ulang atau berterusan. Beliau juga menyatakan bahawa tindakan ini dilakukan oleh seseorang individu atau lebih yang menentang individu yang lain dalam jangka masa yang lama. Olweus (1993) juga menyatakan bahawa tingkah laku buli adalah tingkah laku agresif yang dilakukan secara berulang kali terhadap orang lain secara individu atau berkumpulan. Tingkah laku agresif boleh dilakukan dalam bentuk fizikal atau lisan yang boleh menyebabkan kecederaan atau ketidakselesaan atau kesakitan ke atas individu, iaitu mangsa buli.

Jenis-jenis tingkah laku buli termasuklah tindakan-tindakan seperti mengejek, pemulauan dan memukul (Dieter et al., 2014). Dalam konteks kajian ini, tingkah laku

buli merujuk kepada tingkah laku atau perlakuan negatif sama ada secara fizikal, lisan atau secara psikologi yang dilakukan oleh seseorang murid sekolah rendah ke atas murid yang lain bagi tempoh masa yang lama. Tingkah laku buli yang dikaji dalam kajian ini termasuklah mengejek, mengugut, memukul dan memulaukan seseorang murid secara berulang-ulang bagi satu tempoh masa tertentu.

1.7.2 Murid Sekolah Rendah

Berdasarkan Akta Pendidikan (1996), murid ditakrifkan sebagai seorang yang sedang menuntut pendidikan atau latihan di sesuatu institusi pendidikan tanpa mengira had umur. Di samping itu, pendidikan rendah pula didefinisikan sebagai kursus pengajian pada peringkat rendah yang direncanakan bagi tempoh enam tahun bermula dari darjah satu hingga ke darjah enam.

Sekolah rendah di Malaysia terdiri daripada tiga jenis iaitu, Sekolah Kebangsaan yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai pengantar, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) menggunakan Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. Majoriti murid di sekolah kebangsaan terdiri daripada murid-murid Melayu manakala majoriti murid-murid di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) adalah murid berbangsa Cina dan India masing-masing. Justeru, dalam konteks kajian ini, murid sekolah rendah merujuk kepada kanak-kanak yang berumur tujuh hingga dua belas tahun yang sedang mengikuti pembelajaran dalam tahun satu hingga tahun enam di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) atau Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil).



1.7.3 Kaedah Hermeneutik

Kaedah Hermeneutik adalah satu kaedah yang digunakan untuk menganalisis teks. Kaedah ini merupakan satu kaedah tertua yang digunakan untuk interpretasi kitab Greek lama dan masih digunakan oleh para pengkaji sehingga kini bagi tujuan menginterpretasi teks kajian. Menurut teori ini, manusia memperoleh pengalaman hidup mereka melalui bahasa dan bahasa memberikan pemahaman serta pengetahuan yang dianggap sebagai dua aspek yang terkandung dalam Hermeneutik. Hermeneutik merupakan sains yang membicarakan tingkah laku manusia melalui metodologi yang sesuai dalam konteks dunia kini. Mueller (1997) pula menjelaskan bahawa Hermeneutik merupakan satu seni pemahaman dan bukan yang telah difahami.



pemikiran yang berlatarkan falsafah.

Palmer (1969) mentakrifkan bahawa Hermeneutik terbahagi kepada enam, iaitu Hermeneutik didefinisikan sebagai teori pentafsiran kitab suci, sebagai kaedah ilmu bahasa yang umum, sebagai ilmu tentang semua pemahaman bahasa, sebagai asas kepada kaedah daripada ilmu-ilmu kemanusiaan, sebagai kewujudan pemahaman dan fenomenologi serta sebagai sistem pentafsiran. Sementara itu, Schmidt (2006) menyatakan bahawa istilah interpretasi secara umum muncul sejak manusia mula bertutur lagi.

Pada zaman dahulu, pendekatan Hermeneutik merupakan satu kaedah yang digunakan secara meluas dalam menterjemah atau menginterpretasi teks. Menurut





Loganathan (1992), Hermeneutik merupakan seni yang membicarakan tingkah laku manusia melalui metodologi yang sesuai dalam konteks dunia kini. Menurut Suppiah (2016), Hermeneutik adalah kaedah untuk mencari persefahaman daripada memberikan penjelasan. Dalam erti kata lain, Hermeneutik memberikan suatu bacaan berwibawa atau analisis konseptual teks. Menurut Gadamer (1976), tugas Hermeneutik bukan untuk mengembangkan prosedur pemahaman, tetapi untuk menjelaskan keadaan dalam memahami sesuatu tafsiran. Dalam konteks kajian ini, kaedah Hermeneutik digunakan untuk menganalisis hasil temu bual bersama guru-guru sekolah rendah mengenai punca dan langkah mengatasi gejala buli.

Pengkaji zaman kini yang menggunakan Hermeneutik seperti Higgs et al., (2012) menyatakan bahawa hermeneutik merupakan pendekatan penyelidikan sains

Mereka menambah lahi bahawa tujuan hermeneutik adalah pemahaman dan bukan penjelasan. Jacobs, A. H. M (2014) menyatakan bahawa kaedah ini dapat membantu untuk mengkaji budaya sesuatu masyarakat. Sifat tafsiran dalam kaedah hermeneutik membolehkan pengkaji untuk mendedahkan makna tersembunyi budaya sesuatu institusi, sementara sifat spesifik konteksnya bermanfaat untuk menunjukkan sifat budaya institusi dalam suasana yang lebih luas.

1.8 Kepentingan Kajian





Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis tingkah laku buli yang berlaku dalam kalangan murid sekolah rendah serta punca-punca yang menyebabkan tingkah laku buli dan langkah mengatasinya daripada terus berlaku di sekolah rendah. Pengkaji juga membandingkan langkah mengatasi tingkah laku buli dalam kalangan murid Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil). Pelaksanaan kajian ini mempunyai beberapa kepentingan yang signifikan kepada pihak-pihak yang berkaitan seperti kerajaan, masyarakat dan golongan pelajar sendiri. Secara umumnya, kajian ini dapat mendedahkan punca-punca yang menyebabkan berlakunya tingkah laku buli serta langkah mengatasi penularan masalah ini.

Hasil kajian ini dapat menjadi rujukan kepada pihak kerajaan untuk mengenal

pasti punca-punca yang menyebabkan berlakunya tingkah laku buli dalam kalangan murid sekolah rendah. Pihak kerajaan terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia harus memainkan peranan dengan mendidik masyarakat terutamanya guru-guru, ibu bapa dan murid-murid mengenai jenis-jenis tingkah laku buli supaya mereka dapat mengesan tingkah laku buli yang berlaku di sekitar mereka. Kementerian Pendidikan juga boleh mengenal pasti perkara-perkara yang menyebabkan berlakunya tingkah laku buli melalui kajian ini. Maka, ia boleh digunakan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat supaya dapat dielakkan.

Selain itu, maklumat tentang cara mengatasi gejala buli dalam kalangan murid sekolah rendah yang diperoleh daripada kajian ini juga boleh digunakan oleh pihak kerajaan untuk memperkenalkan kaedah-kaedah yang efektif bagi mengawal dan membendung tingkah laku buli dari terus berlaku. Pihak kerajaan juga boleh





menyediakan risalah-risalah anti-buli dengan meringkaskan kandungan kajian ini supaya dapat diedarkan di semua sekolah. Dengan ini, murid-murid dan guru-guru dapat merujuk risalah tersebut apabila berhadapan dengan tingkah laku buli. Pihak kerajaan juga boleh menghasilkan buku panduan mengatasi buli dengan menggunakan hasil kajian ini untuk diedarkan kepada murid-murid. Hal ini akan membantu untuk meningkatkan pengetahuan murid terhadap tingkah laku buli dan menimbulkan kesedaran dalam diri mereka untuk menjauhi tingkah laku buli.

Di samping itu, kajian ini juga mempunyai kepentingan tersendiri kepada masyarakat yang terdiri daripada golongan ibu bapa dan penjaga. Maklumat yang terdapat dalam kajian ini boleh digunakan oleh ibu bapa dan penjaga untuk mendidik anak-anak mereka mengenai tingkah laku buli dari kecil lagi. Kementerian

Komunikasi dan Multimedia Malaysia boleh menayangkan iklan berkaitan buli melalui siaran televisyen dan juga radio dengan menggunakan maklumat dari kajian ini. Hal ini akan membantu ibu bapa untuk mendidik anak-anak yang masih kecil dengan mudah. Tambahan pula, hasil kajian ini akan membantu ibu bapa untuk sentiasa peka terhadap tingkah laku dan perubahan tingkah laku dalam diri anak-anak mereka dan mengambil tindakan segera jika anak-anak mereka didapati terlibat dalam tingkah laku buli.

Seterusnya, kajian ini turut berkepentingan terhadap golongan murid-murid yang merupakan peneraju masa hadapan. Tidak dapat dinafikan bahawa tingkah laku buli memberi impak negatif yang amat besar terhadap emosi dan tingkah laku seseorang murid. Seseorang murid yang pernah dibuli, akan menunjukkan kemerosotan kecergasan emosi sehingga menyebabkan tingkah laku murid tersebut





juga terjejas. Maka, maklumat dalam kajian ini akan membantu murid untuk mengetahui cara-cara menjauhi tingkah laku buli. Selain itu, murid-murid yang sedang mengalami ancaman buli juga dapat mengetahui langkah yang harus diambil bagi menyelamatkan diri dari terus menjadi mangsa buli. Tambahan pula, mereka juga dapat membantu rakan-rakan mereka yang menjadi mangsa buli dengan menggunakan maklumat dari kajian ini.

Secara keseluruhannya, maklumat yang diperoleh dari kajian ini akan menimbulkan kesedaran dan pengetahuan tentang gejala buli dalam kalangan masyarakat terutamanya ibu bapa dan murid-murid. Maklumat dari kajian ini juga dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan seperti guru-guru, pentadbir sekolah dan agensi kerajaan untuk mengawal dan membanteras tingkah laku buli dari terus menular.



1.9 Batasan Kajian

Beberapa aspek telah di kenal pasti dan dibataskan semasa menjalankan kajian ini. Aspek-aspek tersebut meliputi skop kajian, lokasi kajian, instrumen kajian dan kaedah pengumpulan data serta penganalisisan data yang digunakan dalam kajian ini. Batasan-batasan tersebut ditetapkan berdasarkan kemampuan penyelidik dari segi masa dan kewangan.

Kajian ini hanya berfokus pada beberapa aspek seperti jenis-jenis tingkah laku buli, punca-punca yang menyebabkan berlakunya serta langkah mengatasi tingkah



laku buli yang berlaku di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil). Pada masa yang sama, pengkaji juga telah membandingkan langkah mengatasi tingkah laku buli yang dilaksanakan oleh ketiga-tiga jenis sekolah rendah sebagai usaha mengatasi berlakunya tingkah laku buli. Bagi memperoleh maklumat berkaitan, pengkaji hanya mengutarakan soalan-soalan yang berfokus pada aspek-aspek tersebut semasa menyediakan borang soal selidik. Pengkaji tidak memberi fokus pada aspek-aspek lain seperti ciri-ciri pembuli dan mangsa buli, tanda-tanda seseorang itu telah dibuli dan sebagainya. Hal ini kerana, melalui rujukan yang dilakukan oleh penyelidik, aspek-aspek ini telah banyak dikaji dan diulas dalam kajian-kajian lepas.

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji hanya berfokus pada sekolah rendah

Batasan ini telah ditetapkan pengkaji kerana pengkaji mendapati bahawa kajian-kajian lepas terutamanya kajian dalam negara lebih berfokus kepada tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Hal ini merupakan satu lompong yang harus dipenuhi memandangkan tingkah laku buli telah lama menular dalam kalangan murid sekolah rendah di negara ini. Pengkaji juga telah membandingkan punca dan langkah mengatasi buli di ketiga-tiga jenis sekolah rendah tersebut memandangkan budaya dan amalan yang diamalkan di sekolah-sekolah tersebut adalah berbeza. Di samping itu, kajian-kajian sebelum ini juga tidak membuat perbandingan antara ketiga-tiga jenis sekolah tersebut. Maka, kajian ini akan dapat mendedahkan kaedah berlainan yang dapat membantu bagi mengatasi tingkah laku buli dalam kalangan murid.



Lokasi kajian ini telah ditetapkan di daerah Kinta Utara, Perak. Sebanyak 15 buah sekolah rendah di daerah Kinta Utara, Perak telah dipilih bagi mengendalikan kajian ini. Sekolah yang dipilih terdiri daripada lima buah Sekolah Kebangsaan, lima buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan lima buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil). Kesemua sekolah yang dipilih oleh pengkaji adalah sekolah harian biasa. Sekolah-sekolah tersebut telah dipilih secara rawak mudah berdasarkan senarai nama sekolah yang terdapat di daerah Kinta Utara, Perak. Pengkaji telah memilih Daerah Kinta Utara Perak memandangkan potensi berlakunya tingkah laku buli adalah lebih tinggi di kawasan bandar. Pengkaji telah membataskan lokasi kajian kerana tumpuan terhadap satu kawasan adalah penting untuk mendapatkan data yang sah dan tepat. Lokasi kajian merupakan satu batasan yang ditetapkan kerana kajian menyeluruh terhadap keseluruhan negara mahupun seluruh Negeri Perak tidak dapat dijalankan akibat peruntukan masa yang agak terhad.



Bilangan responden juga merupakan salah satu aspek yang telah ditetapkan batasan dalam kajian ini. Responden kajian ini hanya terdiri daripada guru-guru sekolah rendah dari daerah Kinta Utara, Perak. Seramai 45 orang guru iaitu 15 orang guru Sekolah Kebangsaan, 15 orang guru Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan 15 orang guru Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) telah dipilih sebagai responden bagi kajian ini. Responden yang dipilih dari setiap sekolah terdiri daripada seorang guru disiplin, seorang guru kaunseling dan seorang guru kelas tahun 5. Maka, secara keseluruhannya terdapat 15 orang guru disiplin, 15 orang guru kaunseling dan 15 orang guru kelas tahun 5 yang terlibat dalam kajian ini. Guru kelas tahun 5 dipilih sebagai responden kerana pengkaji berpendapat bahawa murid-murid tahap dua lebih cenderung melakukan tingkah laku buli berbanding murid tahap satu. Maka, guru





kelas tahun 5 dipilih supaya dapat memperoleh data yang lebih tepat memandangkan guru kelas tentu mengetahui tingkah laku murid-muridnya.

Di samping itu, guru disiplin pula dipilih sebagai responden kajian kerana sekiranya guru kelas atau guru-guru lain mengenal pasti tingkah laku buli dalam kalangan murid, maka ia akan disampaikan kepada guru disiplin bagi tindakan lanjut. Guru disiplin tentunya lebih peka terhadap jenis-jenis tingkah laku buli dan punca yang menyebabkannya berlaku berbanding guru-guru lain. Tambahan pula, guru disiplin berperanan utama dalam menyelesaikan masalah tingkah laku buli yang berlaku di sekolah masing-masing, maka guru disiplin merupakan individu yang dapat memberikan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji dalam kajian ini. Seterusnya, guru kaunseling dipilih oleh responden memandangkan guru kaunseling bertanggungjawab untuk bekerjasama dengan guru disiplin untuk mengatasi masalah tingkah laku buli di sekolah masing-masing.

Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji hanya menggunakan borang soal selidik yang mengandungi soalan terbuka. Borang soal selidik yang akan diedarkan mengandungi soalan terbuka yang memerlukan guru untuk memberi pandangan sendiri berkaitan tingkah laku buli di sekolah mereka. Kemudian, hasil jawapan guru-guru dianalisis menggunakan kaedah Hermeneutik. Pengkaji telah memilih kaedah ini kerana kaedah Hermeneutik merupakan suatu proses menginterpretasikan teks yang efektif. Kaedah ini digunakan sebagai suatu percubaan ke arah mencari makna dalam jawapan yang ditulis oleh guru-guru atau merekodkan dapatan kajian tentang punca dan langkah mengatasi tingkah laku buli.





Secara keseluruhannya, batasan-batasan tersebut ditetapkan supaya kajian ini dapat dijalankan seperti yang dirancang oleh pengkaji mengikut skop yang ditetapkan. Batasan yang ditetapkan juga membantu pengkaji untuk menyelesaikan kajian dengan sempurna berdasarkan peruntukan masa yang diberikan bagi melaksanakan kajian ini.

1.10 Rumusan

Dalam bab pendahuluan ini, pengkaji telah membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tiga objektif kajian dan tiga soalan kajian yang ingin dijawab. Di samping itu, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka konseptual kajian dan definisi istilah kajian, iaitu buli, murid sekolah rendah, dan kaedah Hermeneutik juga

